



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

MAJLIS PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI

4 JUN 2018 (ISNIN)

PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA

(*Salutasi*)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T, Salam Ramadhan dan Salam Sejahtera,

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Ketua-ketua jabatan/tuan/puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafak ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita bulan Ramadhan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.
2. Marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, diizinkan kita berhimpun di sini untuk sama-sama memeriahkan Majlis Berbuka Puasa 1439 Hijrah bagi Tahun 2018.
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/tuan/puan ke majlis yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih diucapkan kepada semua kerana sudi meluangkan masa untuk

berbuka puasa bersama-sama dengan saya dan Kementerian pada hari kesembilan belas (19) kita berpuasa pada hari ini.

4. Sepertimana Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud: **“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kalian berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kalian agar kalian bertaqwa”**. Saya mendoakan agar kita semua dianugerahkan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah ini hingga ke akhirnya.

INPUT BUKU HARAPAN

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Kerajaan prihatin dengan keluhan dan kesulitan masyarakat dalam mendepani cabaran hidup pada masa kini. Komitmen dalam melaksanakan janji-janji Kerajaan sedang diusahakan bagi meringankan beban hidup masyarakat khususnya kumpulan sasar Kementerian, yang merangkumi golongan wanita terutamanya ibu tunggal, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, keluarga, orang papa, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan mangsa bencana.
6. Antara janji-janji Kerajaan yang berkait rapat dengan Kementerian termasuklah usaha untuk mempertingkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan, meningkatkan pendapatan rakyat terbanyak, melaksanakan KWSP untuk suri rumah, membela nasib

golongan OKU, memerangi jenayah dan gejala sosial, mendukung keutuhan institusi keluarga dan kejiranan serta memperkasa institusi kemasyarakatan, masyarakat sivil dan keusahawanan sosial.

PENUTUP

7. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan majlis pada petang ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Berbuka Puasa pada petang ini.

8. Kita sekarang menghadapi cabaran yang sukar. Kita mewarisi pentadbiran yang kini terpaksa menanggung beban hutang yang besar. Tugas membela masa depan rakyat akan menjadi lebih sukar. Pada 10 malam terakhir Ramadhan ini, saya memohon tuan-tuan dan puan-puan mendoakan agar jemaah menteri, khususnya saya, diberi kekuatan serta hikmah dalam melaksanakan tugas-tugas kami. Kita perlu berusaha tetapi hanya Allah SWT yang dapat memberkati usaha kita. Akhir kata, semoga majlis yang diadakan pada hari ini mendapat sinar rahmat dan keberkatan dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih dan selamat berbuka puasa.